

Distributed by:



A Sime Darby Motors Company

# NEWS



## Penantian berakhir! Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel Generasi Baharu Kini di Malaysia

- Enjin Diesel Bi-Turbo 2.0L menawarkan pilihan tren berprestasi tinggi dan berjimat bahan api idaman para peminat *off-roading* berprestasi di Malaysia.
- Kuasai setiap rupa bumi dengan suspensi yang dipertingkatkan, peredam hentak FOX 2.5 inci, casis yang ditingkatkan, tujuh mod pemanduan dan teknologi bantuan pemandu terkini.
- Saksikan Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu di pameran jelajah *Ford Experience Hub*.
- 300 pelanggan pertama yang membuat tempahan Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu akan menikmati pemasangan kamera dashboard Kenwood DRV-A700W WQHD dual-channel yang khusus dipasangkan dengan pautan tanpa wayar dan GPS serta diskaun tambahan RM500 untuk *Ford Ranger Getaways*.
- Pelanggan yang membuat tempahan di pameran jelajah ini juga akan menerima cenderamata istimewa.

**KUALA LUMPUR, Malaysia, 8 Jun 2023** - Sime Darby Auto ConneXion (SDAC), pengedar tunggal jenama Ford di Malaysia, hari ini melancarkan Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu yang menawarkan satu lagi pilihan enjin untuk para peminat Raptor di negara ini.

Kini terdapat varian enjin diesel 2.0 liter untuk Ranger Raptor generasi baharu selain varian enjin petrol 3.0 liter EcoBoost V6 yang sedia ada.

"Sebagai trak *off-road* berprestasi hasil buatan Asia Pasifik, permintaan untuk Ranger Raptor melebihi jangkauan. Respon terhadap Ranger Raptor generasi baharu amat baik sejak kami melancarkan varian V6. Berdasarkan maklum balas yang kami terima, kami tahu ramai pelanggan Malaysia menginginkan pilihan enjin dan enjin Diesel Bi-Turbo 2.0L adalah penambahan hebat untuk rangkaian kami," kata Turse Zuhair, Pengarah Urusan Sime Darby Auto ConneXion-Ford.

### Lebih banyak pilihan dengan sistem penggerak yang terbukti dan kecekapan bahan api yang tidak dikompromi

Diperkenalkan pertama kali pada tahun 2018 dalam model Ford Ranger Raptor generasi sebelumnya, enjin Diesel Bi-Turbo 2.0L menawarkan pilihan pemilikan lain untuk memenuhi permintaan tinggi daripada pelanggan dan pengguna Malaysia.

Enjin yang telah diuji dan disahkan bukan sahaja membawa semula prestasi yang kuat yang diketahui dan disukai oleh pelanggan Ford, malah ia juga memberikan kecekapan bahan api yang tidak dikompromi berkat penyelidikan dan pembangunan yang meluas.



Dipadankan dengan transmisi *e-shifter* automatik 10-kelajuan baharu, Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu memberikan prestasi sehingga 210 PS pada 3,750 rpm dan torq 500 Nm pada 1,750-2,000 rpm.

Varian 2.0L Bi-Turbo Diesel juga mempunyai pelbagai ciri untuk menawarkan penggunaan bahan api yang kompetitif sebanyak 8.2L/100km. Ciri-ciri ini termasuk fungsi *stop/ start* automatik, sistem pemantauan bateri, alternator berkecekapan tinggi, lampu siang LED (DRL), pemanasan transmisi aktif, minyak transmisi dengan kelikatan sangat rendah, cecair aksel belakang sintetik untuk mengurangkan kehilangan kuasa parasit dalam penghantaran, dan kipas penyejuk dengan motor tanpa berus untuk mengurangkan kehilangan elektrik.

Direka untuk sepadan dengan varian V6, Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu menampilkan casis yang sama. Ia termasuk *C-pillar*, ruang muatan dan tayar simpanan, serta rangka unik untuk penyerap hentakan *jounce*, *shock tower* dan gelas hentakan belakang, kesemuanya digabungkan untuk memastikan Ranger Raptor generasi baharu dapat menangani keadaan *off-road* yang mencabar.

Ia juga menampilkan suspensi direka semula yang sama dengan penyerap hentakan FOX Internal Bypass 2.5 inci baharu di bahagian hadapan, penghubung Watt yang disempurnakan di bahagian belakang, dan sistem pemacu empat roda canggih dengan kotak transmisi dua kelajuan yang dikawal secara elektronik, bersama dengan *rear locking differentials*.

Penyerap hentakan FOX Internal Bypass 2.5 inci talaan Ford Performance adalah yang paling canggih pernah ada pada Ranger Raptor dan diisi dengan minyak berinfus Teflon™ yang mengurangkan geseran sebanyak 50 peratus berbanding Raptor sebelumnya.

Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu juga dilengkapi dengan Kawalan *Bottom-Out* oleh FOX dan plat bash keluli kuat berketebalan 2.3mm, bersama dengan *under shield* dan *transfer case shield*. Juga terdapat *tow hooks* berkembar di hadapan dan belakang untuk pemulihan yang fleksibel, serta tali penyeimbang untuk pemulihan regangan di pasir dalam atau lumpur tebal.

Sama seperti varian V6, ia juga menawarkan *Terrain Management System* yang dikemas kini dengan tujuh mod pemanduan boleh pilih, tetapi tanpa sistem ekzos aktif. Tujuh mod pemanduan tersebut adalah *Normal*, *Sport*, *Slippery*, *Rock Crawl*, *Sand*, *Mud/Ruts* dan *Baja*.

Setiap mod pemanduan yang boleh dipilih membantu menyesuaikan banyak elemen - dari enjin dan transmisi hingga kepekaan dan kalibrasi ABS, kawalan daya cengkaman dan kestabilan, stereng, tindak balas *throttle*, dan juga paparan kluster instrumen dan sentuhan pusat - semua untuk sepadan dengan keadaan jalan.

Selain itu, sistem *anti-lag* dalam mod *Baja* membolehkan pemandu memulakan pecutan lebih cepat selepas liku atau antara gear dengan mengekalkan putaran turbin selama tiga saat selepas ia melepaskan *throttle*.

### **Peningkatan reka bentuk dan teknologi generasi terkini**

Selain dari decal "Raptor" pada Ranger Raptor V6 generasi baharu, pemilik Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu akan menikmati reka bentuk luar serba baharu. Ciri-ciri utama termasuk lengkungan roda yang meluas, huruf F-O-R-D yang menonjol di gril, bumper

Distributed by:



A Sime Darby Motors Company

# NEWS



yang dipisahkan dari gril, dan lampu hadapan LED Matrix dengan lampu siang hari LED gaya *C-clamp* tersendiri.

Reka bentuk tayar aloi 17 inci yang mantap diliputi dengan tayar *BFGoodrich® all-terrain KO2®*, plat teras Ford Performance, *side step* aluminium baharu dan lampu LED di sekeliling melengkapkan penampilan lasak yang berfungsi di jalan raya mahupun *off-road*.

Tema reka bentuk berprestasi tinggi dan bertenaga turut dikekalkan sehingga ke ruang kabin, termasuk kerusi kulit *sporty* inspirasi jet pejuang, panel instrumen dengan penonjolan nuansa Code Orange, gear knob kulit dengan *e-shifter*, stereng kulit gred premium, dan paddle shifters salutan magnesium.

Ruang kabin digital Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu sama seperti Raptor V6, termasuk kluster instrumen digital 12.4 inci dan skrin tengah 12 inci dengan sistem infotainment SYNC® 4A Ford dan penyambungan Apple CarPlay dan Android Auto tanpa wayar.

Ciri-ciri dalaman standard lain termasuk sistem bunyi Bang & Olufsen® dengan lapan pembesar suara, empat port pengecas USB, pengecas Qi tanpa wayar, soket 12 volt, dan kamera 360 darjah.

Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel menawarkan rangkaian ciri keselamatan aktif dan sistem bantuan pemandu terkini yang ditingkatkan seperti varian V6. Ini termasuk tujuh beg udara, *Adaptive Cruise Control* dengan *Stop-and-Go* dan *Lane Centering*, lampu kecemasan, sistem maklumat titik buta (BLIS) dan *High Beam Assist*, *Reverse Brake Assist*, *Evasive Steer Assist* dan amaran *Rear Cross-Traffic*.

## **Sebahagian daripada Ford Performance dan Baja 1000**

Asal usul nama Raptor adalah daripada Amerika Utara, di mana jurutera Ford menggunakannya pada trak pikap berprestasi tinggi. Ia bermula dengan Raptor F-150 SVT generasi pertama pada tahun 2010, yang dioptimumkan untuk *off-road* berprestasi. Ford memberi tumpuan kepada peningkatan kejuruteraan terperinci tentang suspensi, tayar *all-terrain*, dan sistem pacuan empat roda.

Pada tahun 2018, ahli baharu dalam keluarga Ford Performance dilancarkan. Ranger Raptor Ford meluaskan jenama Ford Performance kepada pengguna tegar trak pikap di seluruh dunia, memperkenalkan Raptor ke puluhan pasaran baru.

"Walaupun Ranger Raptor diilhamkan oleh pelumba gurun, ia juga merupakan kenderaan berkuasa yang sangat berkebolehan. Dihasilkan di kilang, Ford telah mencipta kenderaan *off-road* yang tidak perlu dimodifikasi untuk membawa anda ke destinasi dan pulang dengan selamat," kata Dave Burn, Ketua Jurutera Program Ford Performance untuk Ranger Raptor.

Contoh nyata adalah kejayaan Ranger Raptor generasi baharu yang menamatkan perlumbaan *SCORE International Baja 1000* di Mexico - salah satu perlumbaan *off-road* lasak paling mencabar di dunia. Raptor yang digunakan dalam perlumbaan itu adalah daripada barisan keluaran kilang di Thailand yang sama seperti yang didapati di kilang Ford di seluruh dunia. Sebagai peserta tunggal dalam kategori kelas pertengahan, hanya pengubahsuaian pematuhan peraturan keselamatan perlumbaan sahaja dilakukan.



## Harga, ketersediaan, dan manfaat pendaftaran awal

Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu dijual pada harga RM 248,888 untuk Semenanjung Malaysia dan RM 252,188 untuk Malaysia Timur, atas jalan tanpa insurans dan cukai jalan.

Warna yang tersedia termasuk *Code Orange*, tambahan kepada *Absolute Black*, *Arctic White*, *Blue Lightning* dan *Conquer Grey*.

Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu dilengkapi dengan jaminan pengeluar selama lima tahun atau 160,000 km, yang mana dahulu. Pelanggan juga boleh memilih untuk memanjangkan tempoh jaminan sehingga tujuh tahun melalui pakej jaminan PremiumCare.

300 pelanggan pertama di seluruh negara yang membuat tempahan untuk Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu akan menerima hadiah pendaftaran awal termasuk:

- Dashcam Kenwood DRV-A700W yang dipasang khas dengan resolusi *Wide-Quad High Definition (WQHD)* 3.7-megapiksel. Ciri-ciri utamanya termasuk sambungan *smartphone* tanpa wayar yang terbina, GPS, G-Sensor tiga paksi, penapis *polarizer*, dan mod parkir pintar. Ia juga boleh diperluas dengan kamera belakang untuk rakaman *dual-channel* termasuk kad mikroSD 16GB.
- Tawaran istimewa iaitu diskaun RM500 untuk sesi Ford Ranger Getaways melalui kod promosi boleh ditebus setelah penghantaran kenderaan.

Sesiapa yang berminat dengan Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu dialu-alukan untuk hadir ke pelancaran rasmi yang diadakan pada 9 hingga 11 Jun 2023 di MRANTI Park (ruang terbuka, pintu masuk Barat) berhadapan Pavilion Bukit Jalil.

Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu menjelajah bersama *Ford Experience Hub* ke utara dan selatan Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak dari Jun hingga September 2023.

Direka untuk memberikan pengalaman yang lebih komprehensif dan interaktif, *Ford Experience Hub* adalah tempat di mana pelanggan dan bakal pelanggan dapat berinteraksi dengan jenama dan keluarga kenderaan Ford generasi baharu.

*Ford Concierge* akan ada di setiap *Ford Experience Hub*, untuk menjawab sebarang pertanyaan berkaitan. Pengunjung boleh mengetahui lebih lanjut mengenai kenderaan Ford, membuat tempahan pandu uji, mempelajari dan memahami lebih lanjut mengenai *Ford Ranger Getaways*, serta melihat dan membeli barangan eksklusif Ford.

Selain itu, mereka yang membuat tempahan untuk Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu di *Experience Hub*, serta semua pelanggan Ranger dan Raptor yang membuat tempahan untuk *Ford Ranger Getaways*, boleh menebus barangan eksklusif di sana.

Semua pelanggan Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu juga boleh menggunakan kod kad istimewa *Inner Circle* mereka untuk menikmati diskaun 30 peratus untuk satu perjalanan *Ford Ranger Getaways*.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai jadual dan lokasi Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu dan jelajah *Ford Experience Hub*, layari laman web SDAC-Ford.

Distributed by:



AUTOCONNEXION

A Sime Darby Motors Company

NEWS



Untuk maklumat lanjut mengenai Ranger Raptor 2.0L Bi-Turbo Diesel generasi baharu, berhubung dengan Pakar Ford Ranger melalui [WhatsApp](#).

Untuk maklumat lanjut mengenai SDAC dan Ford, ikuti Ford Malaysia di [Facebook](#), [Instagram](#), [Twitter](#), dan saluran [YouTube](#), atau lawati [www.sdacford.com.my](http://www.sdacford.com.my).

-TAMAT-

### **Mengenai Ford Motor Company**

*Ford Motor Company (NYSE: F) adalah syarikat global yang berpusat di Dearborn, Michigan, yang komited membantu menjadikan dunia lebih baik, di mana setiap orang bebas bergerak dan menggapai impian. Hasrat Ford+ terhadap pengembangan dan pembentukan nilai menggabungkan kekuatan sedia ada, keupayaan baharu dan terus memupuk hubungan dengan pelanggan untuk meningkatkan pengalaman dan mengukuhkan kesetiaan pelanggan. Ford membangun dan menghasilkan trak Ford yang inovatif, kenderaan utiliti sukan, van dan kereta komersil dan kenderaan mewah Lincoln dan khidmat penghubung. Ford melakukannya melalui tiga segmen perniagaan yang memfokuskan pelanggan: Ford Blue, menghasilkan enjin gas dan hibrid ikonik; Ford Model e, mencipta kereta elektrik inovatif dilengkapi perisian yang memberikan pengalaman digital yang luar biasa kepada semua pelanggan; dan Ford Pro, membantu pelanggan komersial untuk mengubah dan memperluas perniagaan mereka dengan kenderaan dan perkhidmatan yang disesuaikan dengan keperluan mereka. Tambahan pula, Ford berusaha menyediakan penyelesaian mobiliti melalui Ford Next, dan menyediakan perkhidmatan kewangan melalui Ford Motor Credit Company. Ford mempunyai kira-kira 173,000 pekerja di seluruh dunia. Maklumat lanjut mengenai syarikat dan produk serta perkhidmatannya boleh didapati di [corporate.ford.com](http://corporate.ford.com).*

### **Mengenai Sime Darby Auto Connexion**

*Sime Darby Auto Connexion (SDAC) adalah anak syarikat milik penuh Sime Darby Motors. Operasinya bermula pada April 2008 selepas pengstruktur semula perniagaan permotoran milik Sime Darby, di mana SDAC menjadi pengedar tunggal untuk Ford di Malaysia. SDAC juga bertanggungjawab dalam pengurusan pelbagai bahagian di dalam rantai nilai jenama Ford, seperti pengimportan, pengedaran dan penjualan. Bersama dengan Ford, SDAC berusaha untuk menangani cabaran-cabaran masa kini dan hal berkaitan di dalam sector automotif untuk menyokong usaha ke arah industri yang mampan.*

**Media** Esther Koh  
**Contacts:** Public Relations  
Circuit Communications  
T: +60 12-808 1607  
[esther@circuitcommunications.com](mailto:esther@circuitcommunications.com)